

Profil Jawatan Kosong

| | |
|----------------------|--|
| Agensi | : Majlis Islam Sarawak |
| Nombor Rujukan | : BPP-MIS/02A/2026 |
| Tarikh Iklan Dibuka | : 16 Februari 2026 |
| Tarikh Iklan Ditutup | : 3 Mac 2026 |
| Jawatan | : Eksekutif C (Program ILMI – Pengkhususan Tahfiz Al-Quran) |
| Taraf Jawatan | : <i>Contract of Service</i> |
| Kekosongan | : 1 |
| Stesen Bertugas | : Biro Perkhidmatan Pendidikan-Majlis Islam Sarawak, Kuching |
| Jadual Gaji | : Gaji Minimum:RM2,960.10 Gaji Maksimum:RM8,956.08 |

Syarat-syarat Lantikan:

Calon-calon bagi lantikan hendaklah **anak kelahiran Sarawak** atau **warganegara Malaysia yang berdomisil di Sarawak** atau yang **bermastautin secara tetap di Sarawak** yang berkelayakan dan memenuhi syarat-syarat pelantikan, berumur tidak kurang dari 21 tahun pada tarikh tutup iklan dan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) Ijazah Sarjana Muda Takhassus Qiraat/Tahfiz Al-Quran dan Qiraat yang diiktiraf oleh Kerajaan dari Institusi Pengajian Tinggi Tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; (Gaji pokok permulaan: RM2,960.10)
- (b) Diploma Pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan adalah satu kelebihan;
- (c) Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
- (d) Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Arab pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan adalah satu kelebihan;
- (e) Mempunyai pengalaman mengurus Kurikulum Tahfiz Al-Quran atau Kurikulum Pendidikan Islam serta pentaksiran dan penilaian sekurang-kurangnya enam (6) bulan adalah satu kelebihan;
- (f) Mempunyai sahsiah yang baik, sihat tubuh badan dan memiliki kesejahteraan fizikal; **DAN**
- (g) Pegawai yang sedang berkhidmat hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan.

Cara Memohon:

Calon yang berkelayakan dan memenuhi syarat-syarat seperti di atas adalah dipelawa untuk mengemukakan **Borang Permohonan Jawatan Kosong (boleh dimuat turun dari laman sesawang MIS)** beserta **Resume** (mengandungi butir-butir peribadi, kelayakan akademik, pengalaman kerja), **sesalinan sijil yang telah disahkan** dan sekeping gambar berukuran passport (tidak akan dikembalikan) **sebelum atau pada 3 Mac 2026 (Selasa)** kepada:

SETIAUSAHA
MAJLIS ISLAM SARAWAK
ARAS 16, MAJMA' TUANKU ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH
LORONG P.RAMLEE, OFF JALAN P.RAMLEE
93400 KUCHING, SARAWAK
(U.P.: UNIT SUMBER MANUSIA, MIS)

Catatan Am:

- (i) Pemohon hendaklah menulis nama jawatan yang dimohon di sebelah kiri sampul surat.
- (ii) Hanya calon-calon yang layak selepas disenarai pendek sahaja yang akan dipanggil untuk temuduga.
- (iii) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 3 bulan dari tarikh tutup adalah dianggap tidak berjaya.